**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN KEWANGAN |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | SOKONGAN |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 NOVEMBER 2002 |

| **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Gred W17** | : | P1T1 | RM657.51 | - | P1T24 | RM1722.31 |
| | | P2T1 | RM698.65 | - | P2T24 | RM1819.11 |
| | | P3T1 | RM741.00 | - | P3T24 | RM1919.54 |
| **Gred W22** | : | P1T1 | RM1533.55 | - | P1T12 | RM2271.65 |
| | | P2T1 | RM1647.29 | - | P2T12 | RM2508.81 |
| **Gred W26** | : | P1T1 | RM1758.61 | - | P1T9 | RM2387.81 |
| | | P2T1 | RM1926.80 | - | P2T9 | RM2614.08 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1T2); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1T5); atau

(iv) sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1T9);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred W17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

3. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

4. Pembantu Tadbir (Kewangan) boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

5. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

8. Pembantu Tadbir (Kewangan) hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED W22**

9. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED W26**

10. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR, PENOLONG AKAUNTAN**

11. Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dan Penolong Akauntan Gred W27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota**: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2001 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2001, JPA(S)324/2/1-1 Klt. 3 SK(38)].